

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KONSULTASI VIRTUAL (VC) UNTUK PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K)

1.0 PENGENALAN

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 (Akta 775) telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2016. Akta ini mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis PT&K untuk mengawalselia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Perintah PT&K (Bidang Amalan Diiktiraf) 2017 di bawah Akta ini telah disiarkan dalam Warta pada 28 Julai 2017 dan mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017. Terdapat tujuh bidang amalan yang diiktiraf iaitu perubatan tradisional Melayu (PTM), perubatan tradisional Cina (PTC), perubatan tradisional India (PTI), homeopati, kiropraktik, osteopati, dan amalan pengubatan Islam. Pendaftaran pengamal PT&K dengan Majlis PT&K dalam bidang amalan diiktiraf ini telah bermula sejak 15 Mac 2021.

Sejak pandemik COVID-19 melanda, perkhidmatan kesihatan telah diteliti semula bagi memastikan pesakit terus mendapatkan perkhidmatan kesihatan mereka walaupun dalam keadaan darurat. Salah satu pendekatan adalah dengan menawarkan perkhidmatan konsultasi kesihatan secara *virtual consultation* (VC). VC adalah perkhidmatan kesihatan yang dilakukan secara maya yang berlaku secara langsung (*live*) dan interaktif antara pengamal kesihatan dan pesakit serta berlaku segerak (*real-time*). Perkhidmatan VC boleh ditawarkan sebagai kaedah sokongan kepada perkhidmatan pesakit secara konvensional iaitu secara bersemuka, bagi memudahkan pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Pelaksanaan VC dapat menjimatkan masa dan kos serta mengurangkan sesi lawatan ke premis kesihatan khususnya semasa berlaku pandemik.

Kini, perkhidmatan konsultasi perubatan secara virtual bagi perkhidmatan terpilih telah ditawarkan di fasiliti-fasiliti kesihatan kerajaan. Ini dapat meningkatkan akses orang awam kepada penjagaan kesihatan. Justeru, langkah ini perlu dicontohi oleh perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) di Malaysia. Diharapkan garis panduan ini dapat memberi manfaat dan panduan kepada pengamal PT&K, terutamanya pengamal yang berdaftar dengan Majlis PT&K yang ingin menawarkan perkhidmatan konsultasi secara maya kelak.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Menyediakan satu garis panduan bagi menjalankan VC oleh pengamal PT&K berdaftar di fasiliti kesihatan awam dan swasta.
- 2.2 Menggalakkan penggunaan teknologi seiring dengan peredaran semasa serta memudahkan proses kerja bagi pengamal PT&K dalam menyediakan perkhidmatan VC.

3.0 SKOP PERKHIDMATAN

Oleh kerana perkhidmatan VC dilakukan secara maya, maka perkhidmatan ini hanya terhad kepada:

- 3.1 Konsultasi susulan untuk pesakit sedia ada bagi pengamal PT&K yang berkaitan. Walau bagaimanapun, penggunaan VC untuk konsultasi kali pertama adalah tertakluk kepada budi bicara pengamal PT&K.
- 3.2 Konsultasi dalam bidang amalan PT&K yang diiktiraf sahaja.
- 3.3 Konsultasi untuk kes-kes bukan kecemasan dan tidak memerlukan rawatan segera.
- 3.4 Konsultasi pesakit dengan penyakit kronik yang memerlukan pemantauan berterusan.
- 3.5 VC tidak dibenarkan untuk pesakit berikut:
 - a) Pesakit dengan masalah kesihatan mental.
 - b) Pesakit di bawah 18 tahun kecuali dengan penjaga/ ibu bapa.
 - c) Pesakit dengan gangguan kognitif.
 - d) Pesakit yang di bawah pengaruh dadah/ alkohol (*intoxication*).
 - e) Pesakit yang difikirkan kurang sesuai untuk VC oleh pengamal PT&K.

4.0 FASILITI

- 4.1 Keperluan Teknikal Pengamal PT&K
 - a) Keperluan *Information Technology* (IT)
 - Kemudahan jalur lebar dengan spesifikasi minimum kelajuan jalur lebar sebanyak 30Mbps.

- Kelengkapan seperti komputer/komputer riba/ tablet dilengkapi dengan kamera web, mikrofon dan pembesar suara.
 - Contoh aplikasi konferens video yang boleh digunakan: Google Meet, Zoom, Microsoft Team, Webex, Skype dan sebagainya.
- b) Tempat konsultasi yang sesuai.
- c) e-Kalendar untuk tujuan merekod temujanji/*scheduling*.

4.2 Keperluan Teknikal Pesakit

a) Keperluan IT

- Kelengkapan seperti komputer/komputer riba/telefon pintar/tablet dilengkapi dengan kamera web, mikrofon dan pembesar suara.
- Sambungan internet samada menggunakan LAN, WIFI atau *mobile data*.
- Memuat turun aplikasi konferens video seperti yang ditetapkan oleh pihak pengamal.

5.0 KAEDAH

5.1 Pra-Konsultasi

- a) Menyediakan ruang/ bilik yang bersesuaian untuk sesi konsultasi secara virtual bagi menjaga kerahsiaan dan privasi pesakit.
- b) Pesakit perlu mendapatkan temujanji untuk mengikuti konsultasi secara virtual.
- c) Pesakit perlu dimaklumkan berkenaan maklumat pengamal PT&K yang akan mengendalikan sesi VC tersebut termasuk nama penuh, tempat mengamal serta status pendaftaran dengan Majlis PT&K.
- d) Mendapatkan kebenaran dan persetujuan pesakit bagi menyertai sesi VC. Pesakit perlu diberi penerangan lengkap berkaitan sesi konsultasi serta memberi persetujuan secara verbal sebelum sesi konsultasi. Pengamal juga digalakkan untuk memperolehi persetujuan secara bertulis sebelum sesi konsultasi.
- e) Pembatalan temujanji boleh dibuat sehari sebelum tarikh yang ditetapkan dan dimaklumkan kepada pesakit sekurang-kurangnya 24 jam sebelum sesi VC dilaksanakan.

- f) Memastikan rekod pesakit/ keputusan ujian pesakit/ draf pelan rawatan telah tersedia sebelum sesi bermula.

5.2 Semasa Konsultasi

- a) Membuat verifikasi maklumat pesakit sebelum memulakan sesi VC (memastikan nama pesakit, nombor kad pengenalan, tarikh temujanji adalah betul).
- b) Menyaring dan memastikan pesakit adalah tergolong dalam kategori kumpulan sasar yang sesuai untuk mengikuti sesi konsultasi secara virtual. Jika tidak, pengamal PT&K perlu menasihati pesakit untuk hadir secara bersemuka untuk sesi konsultasi.
- c) Menasihati pesakit untuk berjumpa pengamal perubatan jika perlu.
- d) Tarikh untuk sesi susulan secara virtual boleh diberikan mengikut kesesuaian bergantung kepada tahap kesihatan pesakit dan keperluan untuk mengadakan sesi secara virtual. Jika pemeriksaan fizikal atau rawatan lanjut diperlukan, sesi seterusnya boleh dijalankan secara bersemuka.
- e) Pesakit berhak untuk tidak meneruskan sesi konsultasi secara virtual atas pilihan sendiri dan perlu memaklumkan kepada pengamal PT&K yang berkaitan.
- f) Pengamal juga boleh menghentikan sesi VC sekiranya didapati terdapat gangguan komunikasi atau VC tidak dapat diberikan secara optimal.

5.3 Pasca konsultasi

- a) Semua maklumat yang diperoleh daripada pesakit dan konsultasi yang diberikan (*care plan*) perlu didokumentasikan dalam rekod perubatan pesakit tersebut.
- b) Pengamal perlu memaklumkan tarikh temujanji seterusnya atau sama ada pesakit memerlukan konsultasi bersemuka/ pengambilan ubat/ pemeriksaan susulan.

6.0 REKOD PESAKIT

- 6.1 Maklumat pesakit perlu didokumenkan mengikut tatacara di dalam Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari.
- 6.2 Sesi VC tidak perlu dirakam. Sekiranya rakaman diperlukan, ia hanya boleh dibuat dengan persetujuan pesakit sebelum sesi bermula. Rakaman hanya boleh dimainkan kembali oleh pengamal PT&K yang berkaitan sahaja untuk tujuan rawatan pesakit itu sendiri. Rakaman yang dibuat perlu dilupus dengan cara yang betul.

7.0 Fi

- 7.1 Pengamal mesti bersikap munasabah dalam menentukan fi perkhidmatan. Fi untuk VC perlu lebih berpatutan berbanding fi konsultasi secara bersemuka.
- 7.2 Fi bagi VC perlu diperincikan jika termasuk dalam pakej yang disediakan dengan tiada caj tersembunyi (*hidden charges*).
- 7.3 Fi perlu dimaklumkan kepada pesakit sebelum sesi VC bermula.
- 7.4 Pembayaran yang dibuat perlu disertakan resit sebagai bukti.

8.0 ISU MEDIKO LEGAL

- 8.1 Perlu patuh kepada undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa (contoh: Akta 775, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998).
- 8.2 Sebarang rakaman sepanjang sesi VC tidak boleh ditular, dikongsi atau disebar kepada pihak lain.
- 8.3 Kebenaran untuk mengikuti sesi konsultasi secara virtual perlu didapatkan.
- 8.4 Pengamal PT&K perlu mematuhi Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K, mana-mana Akta sedia ada yang berkaitan, Peraturan-Peraturan dan garis panduan yang telah dikuatkuasakan.
- 8.5 Sesi VC boleh dihentikan sekiranya pengamal atau pesakit didapati melanggar tata etika semasa sesi konsultasi.

9.0 RUJUKAN

Malaysian Medical Council Advisory on Virtual Consultation (during the Covid-19 Pandemic); Majlis Perubatan Malaysia (2020).

Garis Panduan Pelaksanaan Klinik Virtual (*Virtual Clinic*) Di Hospital; Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM (2020).

Garis Panduan Permohonan Pusat Latihan dan Tenaga Pengajar Kursus Pembangunan Kapasiti (KPK) Secara Dalam Talian; Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Edisi Ketiga (Mac 2022).